

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 3 (03)

Tarikh : 17 Disember 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 7/2019

PERUBAHAN STATUS DOKUMEN 'DASAR PENAMAAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA' KEPADA 'GARIS PANDUAN PENAMAAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA'


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menguatkuasakan pemakaian **Dasar Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia** melalui Pekeliling MQA Bil. 4/2018 bertarikh 25 Mei 2018. Dasar tersebut terpakai bagi semua permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Penilaian Pematuhan bermula 01 Julai 2019.

3. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2019 bertarikh 30 September 2019 telah bersetuju untuk mengubah status dokumen **Dasar Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia** kepada **Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia**. Ini bertujuan untuk memberi lebih autonomi dan fleksibiliti kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam menamakan sesuatu program pengajian, terutamanya program pengajian dalam bidang yang mempunyai norma penamaan tersendiri atau mengikut kelaziman. Selaras dengan perubahan ini, PPT boleh menggunakan Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia sebagai rujukan dalam menamakan program pengajian.

4. Namun demikian, secara prinsipnya, penamaan program pengajian perlu ringkas, bermakna dan mencerminkan bidang pengajian seperti yang dinyatakan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF). Ketetapan dalam MQF seperti di bawah adalah **wajib** dipatuhi:

- i. Program tahap sijil dan diploma hanya mengandungi 1 bidang pengajian. Justeru, penamaan program perlu mengkhusus tanpa menyatakan disiplin umum;
- ii. Program sijil dan diploma tidak boleh mempunyai struktur *major-pengkhususan*, *major-minor* atau *dwimajor*;



- iii. Peraturan penggunaan tanda kurungan '( )' bagi komponen pengkhususan, perkataan 'dengan' untuk komponen minor serta perkataan 'dan' untuk program *dwimajor*, dan
- iv. Peraturan komponen pengkhususan, *minor* atau *dwimajor* dalam sesuatu program.

5. Selaras dengan perubahan status dokumen, pihak MQA berharap agar semua PPT dapat memanfaatkan fleksibiliti dalam penamaan program berdasarkan norma dan kelaziman bidang pengajian yang pelbagai bagi melancarkan proses akreditasi dan penawaran program pengajian.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)  
E-mel: [rahmah@mqa.gov.my](mailto:rahmah@mqa.gov.my)